

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK (HMP)



Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Maklumat Produk (HMP) ini menyediakan maklumat utama mengenai pembiayaan kenderaan anda.

Pelanggan lain telah membaca HMP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

TARIKH: _____

1. APA ITU PEMBIAYAAN KENDERAAN MURABAHAH BERTEMPOH-i (MVTf-i) UNTUK KENDERAAN ELEKTRIK (EV) DENGAN SEWAAN BATERI?

Ini merupakan pembiayaan bertempoh **kadar tetap** Islamik bagi pembelian EV, tidak termasuk bateri yang disediakan secara berasingan melalui pelan sewaan dikendalikan pengeluar.

Kontrak Syariah yang digunakan ialah **Murabahah** (kontrak jual beli) yang mendedahkan kos pemerolehan dan margin keuntungan kepada pembeli ("Pelanggan"). Selepas menerima Surat Akujanji Membeli daripada Pelanggan, Bank melantik Pelanggan sebagai ejen untuk membeli kenderaan. Setelah kenderaan dibeli, Bank menjual kenderaan tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan Bank.

Bateri kekal milik pengeluar atau penyediannya, tidak dibiayai oleh Bank, dan Bank hanya mengutip pembayaran sewaan bulanan.

2. KENALI TANGGUNGJAWAB ANDA

Ilustrasi tanggungjawab pelanggan adalah seperti di bawah:

Jumlah Pembiayaan: < > Tempoh: < > bulan Kadar: < > %

	KADAR TETAP
Tanggungan Bulanan	< > (jumlah tanggungan bulanan sebanyak < > bagi Ansuran Kemudahan dan < > bagi Bayaran Sewa Bateri)
Jumlah Bayaran Sepanjang Tempoh Pembiayaan	< > (for the financing portion only, including Bank's profit of < > %)
Kadar Keuntungan Efektif	< > % per annum
Kadar Keuntungan Siling	< > %
Harga Jualan Bank	< >

Jadual ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Nota:

a. Jumlah Bayaran Sepanjang Tempoh Pembiayaan tidak termasuk bayaran sewaan bateri.

b. Harga Jualan Bank dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling manakala pembayaran Keuntungan Bank dibuat berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

FI STANDARD	RM
Surat Tawaran (LO)	10 ¹
Surat Jaminan (jika ada)	10 ¹
Perjanjian Kemudahan (FA)	10 ¹
Surat Kuasa Wakil (PA)	10 ¹
Pengesahan dan Pendaftaran Surat Kuasa Wakil (PA) di Mahkamah Tinggi	100 ²
Caj e-Hakmilik	3.24 ³

Nota: 1. Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak 1989)

2. Fi standard oleh peguam cara

3. Fi standard oleh pihak ketiga, contoh: Financial Information Services Sdn. Bhd

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan fahami segala **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya selama [] bulan. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal



Menghubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda

Pelanggan boleh memilih untuk membuat penyelesaian awal pembiayaan pada bila-bila masa sepanjang tempoh pembiayaan. Tiada caj penyelesaian awal akan dikenakan.

3. KETAHUI RISIKO ANDA

Apa berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda:

A. Caj Bayaran Lewat (CBL)

Caj Bayaran Lewat (CBL)	i. <u>Ansuran Tertunggak atau Pembayaran Berjadual</u> Kegagalan membayar sebarang ansuran dari tarikh pembayaran sehingga matang dikenakan CBL satu peratus (1%) setahun, atau mengikut kelulusan BNM. ii. <u>CBL hanya terpakai untuk bahagian pembiayaan dan tidak termasuk bayaran sewaan bateri. Apabila Tarikh Matang atau Penghakiman, Yang Mana Lebih Awal</u> Jika bayaran masih tertunggak selepas matang atau penghakiman mahkamah, CBL dikenakan pada kadar Pasaran Wang Islam Interbank (IIMM) semasa atau mengikut kelulusan BNM. Sebagaimana CBL yang dikenakan, jumlah CBL tidak akan dikompaun.
Tindakan Undang-undang	i. Pihak Bank sebagai pemilik berhak untuk mengambil semula kenderaan tersebut. ii. Tindakan undang-undang boleh diambil untuk mendapatkan baki terhadap kemudahan ini. Tindakan ini akan menjejaskan kedudukan kredit anda.

B. Pengambilan semula akan terjadi apabila mana-mana daripada keadaan berikut berlaku:

- Dua kegagalan berturut-turut membayar ansuran bulanan
- Kegagalan membayar ansuran terakhir
- Empat kegagalan berturut-turut membayar ansuran bulanan oleh waris sekiranya pelanggan telah meninggal dunia.

C. Bayaran Sewa Bateri

- Bayaran sewa bateri bulanan mesti dibayar bersama ansuran kenderaan anda.
- Kegagalan membayar sewaan bateri boleh mengakibatkan tindakan oleh penyedia bateri mengikut perjanjian sewanya.
- Tindakan tersebut mungkin termasuk nyahaktifkan sementara atau pengambilan kembali bateri oleh penyedia bateri.
- Tindakan ini tidak melibatkan Bank dan adalah berasingan daripada proses pembiayaan dan pengambilan semula Bank.

4. TERMA UTAMA LAIN



- Adalah penting untuk anda memaklumkan sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda supaya surat-menyurat dapat disampaikan tanpa kelewatan.
- Anda disyorkan mendapatkan perlindungan Takaful daripada pengendali Takaful panel atau lain-lain yang diluluskan oleh Bank, dengan mengambil kira perkara berikut:
 - Skim/pelan Takaful harus menjadi pilihan pertama anda untuk perlindungan kenderaan
 - Anda boleh mendapatkan insurans konvensional untuk melindungi kenderaan di dalam keadaan berikut:
 - Jika tiada perlindungan Takaful yang ditawarkan atau tersedia di pasaran untuk kenderaan tersebut; atau
 - permohonan anda bagi perlindungan Takaful untuk kenderaan ditolak oleh semua pengendali Takaful; atau
 - kos perlindungan insurans jauh lebih kompetitif berbanding dengan kos perlindungan Takaful.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai produk ini, anda boleh:

Maybank Islamic		
Hubungi kami di: 03-2297 2000 Ext: 2304/2316/2203	Layari kami di: https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/loans/hire_purchase/mvtf-i.page	Emel kepada norfadzilah@maybank.com norazidah.y@maybank.com mohdzulkarnaenaffendi@maybank.com

PENGAKUAN PELANGGAN

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami tentang apa yang anda tandatangani.

☐

Saya mengakui bahawa Maybank telah memberikan saya salinan HMP ini.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam HMP ini.

*Pengakuan anda terhadap HMP ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat.

Name: _____

Date: _____